

**SENARAI PERTANYAAN BAGI JAWAPAN LISAN**  
**MESYUARAT KEDUA, PENGGAL KEEMPAT, PARLIMEN KE-14**  
**DEWAN RAKYAT**

**PERTANYAAN : LISAN**

**DARIPADA : DATUK DR. JEFFREY GAPARI  
KITINGAN [ KENINGAU ]**

**TARIKH : 16 DISEMBER 2021 (KHAMIS)**

**SOALAN**

**DATUK DR. JEFFREY GAPARI KITINGAN [ KENINGAU ]** minta **PERDANA MENTERI** menyatakan susulan wujudnya pertikaian kesahihan Perjanjian Malaysia 1963 (MA63) berdasarkan keputusan Mahkamah Keadilan Antarabangsa (ICJ) dan Tribunal Maritim Bangsa-Bangsa Bersatu, adakah dan bilakah Kerajaan akan merujuk isu kesahihan MA63 kepada ICJ untuk keputusan mengenai kesahihan MA63 tersebut.

**JAWAPAN: YB DATUK SERI PANGLIMA DR MAXIMUS JONITHY ONGKILI, MENTERI DI JABATAN PERDANA MENTERI (HAL EHWAL SABAH DAN SARAWAK)**

Tuan Yang di-Pertua,

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, setakat ini Mahkamah Keadilan Antarabangsa atau dengan izin, '*International Court of Justice*' (ICJ) tidak pernah mendengar atau tidak pernah mengeluarkan sebarang nasihat perundangan atau dengan izin, (*advisory opinion*) berhubung kesahihan Perjanjian Malaysia 1963. Berdasarkan semakan Jabatan Peguam Negara mendapati setakat ini, tiada rujukan pernah dibuat oleh mana-mana pihak kepada ICJ bagi menentukan atau mempersoalkan kesahihan Perjanjian Malaysia 1963 tersebut.

Perjanjian Malaysia 1963 telah ditandatangani oleh 5 pihak pada 9 Julai 1963 di antara pihak-pihak seperti berikut:

- i. United Kingdom - diwakili oleh Sir Harold Macmillan, Duncan Sandys dan Lord Lansdowne;
- ii. Persekutuan Tanah Melayu - diwakili oleh Tunku Abdul Rahman, Tun Abdul Razak b Hussein, Tan Siew Sin, V.T Sambanthan, Ong Yohe Lin dan S.A Lim;
- iii. Borneo Utara - diwakili oleh Datu Mustapha bin Datu Harun, D.A Stephens, W.K.H Jones, Khoo Siak Chiew, W.S Holley dan G.S Sundang;
- iv. Sarawak - diwakili oleh P.E.H Pike, Temenggung Jugah, Abang Haji Mustapha, Ling Beng Siew dan Abang Haji Openg; dan
- v. Singapura - diwakili oleh Lee Kuan Yew dan Goh Keng Swee.

Sebelum Perjanjian Malaysia 1963 ditandatangani, terdapat beberapa proses yang telah dilakukan khususnya bagi membuat kajian serta mendapatkan maklumbalas dan pandangan dari penduduk dengan

izin, *North Borneo* (Sabah) dan Sarawak. Dokumen-dokumen yang mengandungi kajian dan tinjauan tersebut adalah seperti berikut:

- i. Laporan Suruhanjaya Cobbold 1962
- ii. Laporan Inter-Governmental Committee 1962
- iii. Referendum Singapura
- iv. Perjanjian Malaysia 1963
- v. Akta Malaysia 1963 (Akta 26)

Berdasarkan tinjauan, kaji selidik dan pandangan yang diperolehi daripada penduduk *North Borneo*, Sarawak dan Singapura tersebut, didapati bahawa terma-terma yang telah dimetrai dalam Perjanjian Malaysia 1963 telah mengambilkira semua kehendak dan syarat-syarat khususnya terutama dari kedua-dua negeri tersebut (*North Borneo* dan Sarawak).

Oleh yang demikian, saya menegaskan di sini bahawa Kerajaan berpandangan bahwa tiada keperluan untuk merujuk Perjanjian Malaysia 1963 ke Mahkamah Keadilan Antarabangsa memandangkan perjanjian tersebut telah pun diterjemahkan melalui Akta Malaysia [Akta 26] yang telah pun melalui proses gubalan undang-undang yang sah dan telah berkuatkuasa mulai 16 September 1963.

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN LISAN DEWAN RAKYAT  
MESYUARAT KEDUA, PENGGAL KEEMPAT,  
PARLIMEN KEEMPAT BELAS**

**PERTANYAAN : LISAN**

**DARIPADA : TUAN CHONG CHIENG JEN [STAMPIN]**

**TARIKH : 16 DISEMBER 2021 (KHAMIS)**

**SOALAN**

**TUAN CHONG CHIENG JEN [STAMPIN]** minta **PERDANA MENTERI** menyatakan apakah statistik pendapatan isi rumah mean dan medium kaum Dayak di Sarawak dan apakah polisi Kerajaan untuk meningkatkan pendapatan isi rumah mereka.

**JAWAPAN**

**DIJAWAB OLEH YB DATO' SRI MUSTAPA BIN MOHAMED  
MENTERI DI JABATAN PERDANA MENTERI (EKONOMI)**

Tuan Yang di-Pertua,

1. Statistik pendapatan dan kemiskinan isi rumah diperoleh melalui Survei Pendapatan Isi Rumah dan Kemudahan Asas (HIES & BA). Survei ini dilaksanakan oleh Jabatan Perangkaan Malaysia dengan kekerapan dua kali bagi setiap lima tahun. Survei HIES&BA yang terkini adalah pada 2019. Survei HIES & BA merupakan survei secara pensampelan berkebarangkalian dan perwakilan sampel survei adalah di peringkat negeri, strata (bandar dan luar bandar) dan daerah pentadbiran. Untuk tujuan ini, kaum Dayak dikategorikan di bawah Bumiputera Sarawak.
2. Berdasarkan kepada laporan survei HIES & BA 2019, pendapatan isi rumah bulanan purata kumpulan etnik utama Bumiputera Sarawak adalah RM4,930. Manakala pendapatan isi rumah bulanan penengah

pula adalah RM3,664. Pendapatan ini adalah lebih rendah jika dibandingkan dengan pendapatan di peringkat negeri dan nasional.

3. Kerajaan komited untuk melaksanakan dasar dan strategi bagi membangunkan sosioekonomi Bumiputera Sarawak termasuk meningkatkan pendapatan isi rumah untuk meningkatkan kesejahteraan komuniti. Dalam hal ini, kemampuan dan keupayaan komuniti ini akan dipertingkat untuk meningkatkan kebolehpasaran dan keusahawanan. Pembangunan tanah Kluster Tanah Adat (NCR) akan dipermudahkan untuk menyediakan peluang penjana pendapatan, terutama dalam melaksanakan kegiatan pertanian berskala besar. Usaha ini akan menyumbang kepada peningkatan status sosioekonomi komuniti ini.

4. Untuk tahun 2021, Kerajaan telah memperuntukkan sejumlah RM36.7 juta untuk Program Khas Bumiputera Sarawak yang merangkumi Kluster Infrastruktur, Kluster Modal Insan, Kluster Mahkamah Adat, Kluster Pembangunan Ekonomi dan NCR. Di samping itu, peruntukan bagi tahun 2022, sedang dibahaskan di Dewan yang mulia ini. Bahagian Hal Ehwal Sabah dan Sarawak, Jabatan Perdana Menteri akan memainkan peranan bagi memperkukuh kerjasama antara Agensi Persekutuan dan Kerajaan Negeri untuk memastikan penyampaian perkhidmatan kepada kumpulan sasar, termasuklah kepada kaum Dayak di Sarawak.

Sekian, terima kasih.